



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 06 /2007
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


KUASA MENANDATANGANI KONTRAK-KONTRAK YANG DILAKSANAKAN OLEH
JABATAN-JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DAN GARISPANDU-GARISPANDU AM BAGI PERSIAPAN DAN PROSES
MENANDATANGANI KONTRAK-KONTRAK BAGI SEMUA
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN

1. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam maka dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kuasa menandatangani kontrak-kontrak pembinaan yang dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang mana telah diberikan di bawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1/84 dan 11/84 adalah dengan ini dibahagikan melalui pecahan kategori-kategori berikut:

Bil	Jawatan	Harga Kontrak Atau Jumlah Peruntukkan (Jika Tiada Harga Kontrak) Yang Boleh Ditandatangani	Pihak Yang Memberi Kebenaran Pemberian Tender	Kelas Kontrak Jabatan Kerja Raya
I	Menteri	Melebihi B\$5.0 juta tanpa had tertinggi	Lembaga Tawaran Negara	VI
II	Timbalan Menteri	Melebihi B\$5.0 juta hingga B\$10.0 juta	Lembaga Tawaran Negara	VI
III	Setiausaha Tetap Atau Timbalan Setiausaha Tetap	Melebihi B\$250,000 hingga B\$5.0 juta	Lembaga Tawaran Negara	III (yang melebihi B\$250,000), IV & V
IV	Ketua Pengarah Atau Timbalan Ketua Pengarah	Melebihi B\$25,000 hingga B\$250,000	Lembaga Tawaran Kecil	II (hingga B\$150,000) III (hingga B\$250,00)

2. Adalah juga diingatkan bahawa secara amnya, bagi setiap kontrak yang ditandatangani adalah menjadi kewajipan setiap Jabatan dan Kementerian untuk memastikan bahawa;

- i. Kontrak harus ditandatangani oleh wakil sah pihak kontraktor,
- ii. Butir-butir tuan punya syarikat dari Pendaftar Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan dimasukkan dalam dokumen kontrak,



- 2 -

- iii. Bagi syarikat-syarikat Berhad, terutamanya yang berbentuk "*Public Limited*", surat "*Power of Attorney*" orang yang menandatangani perjanjian hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan menjadi sebahagian dari dokumen kontrak.
- iv. Bagi pihak kontraktor yang terdiri dari Konsortium atau Usaha Sama (Joint Venture), maka Perjanjian Konsortium atau Usaha Sama hendaklah juga dimasukkan sekali dan dijadikan sebagai sebahagian dari dokumen kontrak.
- v. Salinan surat kebenaran pemberian tawaran dari Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan atau Lembaga Tawaran Kecil Kementerian berkenaan perlu juga dimasukkan dan dijadikan sebagai sebahagian dari dokumen kontrak.
- vi. Harga kontrak harus dikira dengan betul tanpa kesilapan aritmetik dan kadar harga yang tidak munasabah serta dibuat pembetulan atau pelarasan yang sewajarnya (tanpa menaikkan harga tawaran) harus dimasukkan dengan ulasan mengenainya sebelum kontrak ditandatangani.
- vii. Salinan Yang Diperakui (Certified True Copy) perjanjian yang telah ditandatangani berserta dokumen kontrak yang lengkap harus dikelilingkan kepada semua pihak berkuasa yang berkenaan termasuk Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Audit, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (bagi semua kontrak di bawah Rancangan Kemajuan Negara) dan Biro Mencegah Rasuah.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(PENGIRAN DATO PADUKA HAJI ABU BAKAR
BIN PENGIRAN HAJI SERI INDERA PENGIRAN HAJI ISMAIL)
Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA1000,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (06)JPM/SK/2007
Tarikh: 29 Rabiulawal 1428
17 April 2007